

## **1085- PENCEROBOH DEWASA DAN KANAK-KANAK DALAM TORT TANGGUNGAN PENGHUNI; KUPASAN PERBANDINGAN PERUNDANGAN**

**MOHD FAROK BIN MAT NOR**  
Fakulti Syariah Dan Undang-Undang  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
mohdfarok@kuis.edu.my

**MUHAMMAD MIQAIL ADAM BIN WASLI**  
Fakulti Syariah Dan Undang-Undang  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
miqaeladamswaslee@gmail.com

### **ABSTRAK**

*Walaupun penceroboh yang memasuki sesebuah premis tanpa kebenaran (secara tersurat atau tersirat) dari pemilik premis, undang-undang tetap meletakkan beban di bahu pemilik premis (dikenali sebagai penghuni) agar bersifat perikemanusiaan dalam mempertahankan hartanya dari dicuri atau dirompak. Menurut undang-undang Tort Tanggungan Penghuni, seseorang penghuni mesti bersifat perikemanusiaan dalam membuat sebarang langkah-langkah yang munasabah bagi mempertahankan harta benda kepunyaannya. Kertas kerja ilmiah ini akan menumpukan jenis pemasuk premis yang dikategorikan sebagai penceroboh samada ada penceroboh dewasa dan kanak-kanak. Kajian secara tinjauan literatur dijalankan untuk mengenal pasti pemasuk jenis penceroboh ini menurut undang-undang Tort Tanggungan Penghuni. Kertas kerja ini juga melibatkan metode penyelidikan perpustakaan di mana analisis dibuat berdasarkan kes-kes yang berkait rapat dengan penceroboh dewasa dan kanak-kanak menurut undang-undang Tort Tanggungan Penghuni. Adalah diharapkan kajian ilmiah ini memenuhi hasrat kedua-dua penulis agar hasil kajian ini dapat membantu para pelajar baharu yang mengenali dunia undang-undang, terutamanya undang-undang Tort bagi mendalami topik berkaitan Tort Tanggungan Penghuni dengan merujuk kepada kes-kes yang diputuskan oleh pihak mahkamah di Malaysia khususnya.*

**Kata kunci:** Tanggungan, penghuni, penceroboh, undang-undang Tort, mahkamah

### **PENGENALAN**

Undang-undang tort adalah sebagai salah satu bahagian utama dalam sistem undang-undang sivil dan merupakan bidang penting yang berkaitan dengan hak dan tanggungjawab individu dalam masyarakat. Ia merangkumi pelbagai jenis tindakan undang-undang yang membolehkan individu atau badan kehakiman menuntut ganti rugi apabila mereka mengalami kecederaan atau kerugian akibat perbuatan atau kelalaian orang lain. Dalam ruang lingkup undang-undang tort, keselamatan individu dan harta benda mereka menjadi tumpuan utama. Terdapat pelbagai jenis tindakan tort yang sesuai untuk pelbagai situasi dan keadaan kes yang berbeza. Seperti dalam tort tanggungan, terdapat tanggungan terhadap penghuni, tanggungan beralih dan tanggungan tegas. Undang-undang tort yang lain adalah seperti kacau ganggu, kecuaiian, fitnah dan sebagainya. Pemahaman yang mendalam mengenai undang-undang tort adalah penting kerana ia membantu memastikan keadilan dan perlindungan hak individu dalam dunia yang semakin kompleks.

## METODOLOGI

Isu yang dapat dikaji yang berkaitan tentang topik pencerobohan dewasa dan kanak-kanak di bawah tort tanggungan penghuni adalah bebanan tanggungjawab seseorang penghuni terhadap pemasuk yang dikenali sebagai penceroboh. Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif dan menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan (*library research*) dengan merujuk kepada bahan-bahan ilmiah dan juga kes-kes yang telah diputuskan oleh pihak mahkamah di mana melibatkan penceroboh dewasa dan kanak-kanak di bawah tort tanggungan penghuni. Dalam penulisan kajian ini juga, para penulis akan membandingkan bebanan tanggungjawab yang berbeza oleh seseorang penghuni terhadap penceroboh dewasa ataupun penceroboh kanak-kanak.

## KAJIAN LITERATUR

Bagi mendalami dan mengkaji topik Tanggungan Penghuni, kita mestilah menerangkan takrifan bagi maksud seseorang penghuni, premis dan juga pemasuk.

### *Penghuni*

Tort Tanggungan Penghuni merujuk kepada tanggungjawab undang-undang yang dimiliki oleh individu atau entiti terhadap pemasuk atau penceroboh yang memasuki premis mereka. Konsep undang-undang ini bertujuan untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan mereka yang masuk ke dalam suatu harta seperti tanah. Ini adalah bertujuan untuk mengenakan tanggungjawab ke atas penghuni bagi sebarang kecederaan atau kerosakan yang mungkin berlaku akibat keadaan berbahaya atau kecuaiian (Wan Azlan, 1998).

Istilah penghuni merujuk kepada sesiapa yang mempunyai kawalan ke atas premis tersebut, dari pemilik harta sehingga penyewa dan juga orang yang berada dalam pemilikan sementara. Seseorang dianggap sebagai penghuni apabila dia bertanggung jawab sepenuhnya terhadap suatu premis dengan tahap kawalan yang sewajarnya, di mana dia dianggap menyedari bahawa sebarang kelalaian dalam menjaga keselamatan boleh menyebabkan kecederaan kepada individu atau pemasuk yang sah memasuki premis tersebut (Norchaya Talib, 2006).

Juga dinyatakan untuk menggambarkan seseorang sebagai penghuni adalah bagi merujuk kepada individu yang memiliki tahap kawalan yang mencukupi ke atas suatu premis. Dalam erti kata lain, mereka mempunyai kewajipan berjaga-jaga terhadap keselamatan orang lain yang datang ke premis mereka, dan sebarang kecuaiian dalam melaksanakan kewajipan ini boleh membawa kepada tanggungjawab undang-undang jika terdapat kecederaan atau kerosakan yang disebabkan oleh kealpaan mereka (Kamus Dewan Bahasa Pustaka, 2005).

### *Premis*

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, premis adalah bangunan atau tapak yang digunakan untuk tujuan tertentu, seperti perniagaan, pendidikan, perumahan, atau aktiviti komersial. Dalam konteks tanggung jawab penghuni terhadap premis dalam undang-undang, istilah premis merujuk kepada struktur atau kawasan yang menjadi fokus utama perbincangan atau tindakan undang-undang, tetapi tidak terhad kepada rumah, kedai, atau tempat perniagaan yang berkaitan (Kamus Dewan Bahasa Pustaka, 2005).

Menurut definisi dalam Kamus Bahasa Oxford, premis boleh digambarkan sebagai rumah atau bangunan, termasuk tanah dan struktur luarannya, yang digunakan untuk tujuan perniagaan atau diambilkira dalam konteks rasmi (Hornby & Albert Sydney, 1995). Justeru, definisi premis di sini merangkumi lebih daripada sekadar bangunan, ia juga melibatkan tanah, pelbagai jenis bangunan, dan pelbagai jenis struktur seperti jambatan, dinding, tangga, lif dan eskalator. Ini turut merangkumi pelbagai jenis kenderaan yang digunakan untuk mengangkut individu, seperti kapal, pesawat dan kereta. Oleh itu, maksud premis adalah merangkumi semua elemen yang telah disebutkan, termasuk tanah, bangunan, struktur, dan kenderaan.

Definisi premis juga dikatakan meluas dan tidak tertakluk kepada sekatan dalam undang-undang. Ia merangkumi bangunan, tapak tanah terbuka, kenderaan, dan struktur-struktur lain (Norchaya Talib, 2006). Apabila dikatakan meluas iaitu tidak terhad, ia mesti berkait dengan harta-harta tak alih seperti rumah, stesen keretapi dan harta-harta alih pula seperti gerabak keretapi, kereta, bas dan sebagainya (Windfield & Percy Henry, 1994).

Harta alih dan tak alih ini boleh diklasifikasikan kepada dua bentuk premis iaitu premis awam dan premis persendirian atau swasta. Premis awam secara amnya adalah dalam milikan pihak kerajaan, entiti perundangan dan juga agensi tertentu seperti bangunan, kawasan terbuka, kemudahan dan pengangkutan awam. Ia juga boleh dipecahkan kepada sama ada perkhidmatan tersebut dikenakan bayaran atau disediakan secara percuma (Michael F Putter, 1985).

Premis awam seperti lapangan terbang, pelabuhan, stesen keretapi, gelanggang, terminal bas serta tempat parkir kenderaan adalah contoh premis yang memerlukan bayaran bagi penggunaan atau akses. Pengangkutan awam seperti bas, kereta api, teksi, pesawat, feri dan kapal laut juga termasuk dalam kategori ini. Selain itu, bangunan umum seperti menara, jambatan, dan terowong juga sering dikaitkan dengan bayaran.

Sebaliknya, premis yang percuma merangkumi semua jenis bangunan yang dikelola oleh pihak berkuasa, termasuk bangunan peribadi atau milik agensi. Tempat-tempat awam seperti dewan orang awam, perpustakaan, muzium, galeri seni, pusat pameran, pusat rekreasi, kolam renang, litar perlumbaan dan padang sukan adalah contoh tempat-tempat yang biasanya tersedia untuk orang ramai tanpa perlu membayar. Taman, pantai, kolam renang awam, taman haiwan, hutan perlindungan, taman negara dan pulau juga boleh digunakan secara percuma. Hospital kerajaan, klinik, pusat kesihatan dan rumah penjagaan juga termasuk dalam kategori premis yang percuma.

Selain itu, institusi pendidikan seperti sekolah, kolej, pusat penyelidikan dan universiti sering kali memberikan akses secara percuma. Jalan-jalan awam, lebuh raya tanpa tol dan laluan jalan juga termasuk dalam klasifikasi ini. Di samping itu, bangunan yang dimiliki oleh pasukan keselamatan bersenjata negara seperti pangkalan, lapangan terbang dan kapal laut termasuk dalam kategori ini. Semua jenis struktur umum, kawasan terbuka, fasiliti dan pengangkutan juga boleh digunakan tanpa perlu membayar.

Premis persendirian merujuk kepada tanah, bangunan, kawasan terbuka, kemudahan atau kenderaan yang dimiliki oleh individu, syarikat atau entiti bukan kerajaan. Ia tidak berada di bawah kawalan kerajaan atau pihak berkuasa awam dan biasanya digunakan untuk tujuan

peribadi, komersial atau organisasi bukan kerajaan. Premis persendirian ini tidak terbuka kepada orang awam secara umum dan biasanya tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pemilikannya.

Premis komersial merujuk kepada lokasi atau bangunan yang digunakan untuk tujuan perniagaan atau komersial. Ini boleh termasuk pelbagai jenis premis seperti kedai, pejabat, dewan pertunjukan, kilang, bangunan perindustrian, gudang, hotel, bank, panggung wayang, restoran, stesen minyak dan garaj yang dimiliki oleh entiti swasta atau syarikat.

Di samping itu, premis bukan komersial pula merujuk kepada tempat-tempat yang tidak terlibat dalam aktiviti perniagaan dan sering kali dikhaskan untuk tujuan pendidikan, keagamaan, rekreasi atau kemasyarakatan. Ini termasuk hospital swasta, klinik, sekolah, kolej, universiti, gereja, gimnasium, galeri seni, taman, kolam renang dan padang golf yang mungkin dimiliki oleh entiti bukan kerajaan.

Kenderaan peribadi merujuk kepada kenderaan bermotor seperti kereta, kapal terbang, kapal layar, kapal laut, kapal samudera, tractor dan kenderaan lain yang dimiliki secara peribadi oleh individu atau entiti bukan kerajaan. Premis pertanian peribadi pula yang merangkumi ladang, kebun, hutan, kandang kuda dan kandang anjing yang dimiliki oleh individu atau entiti bukan kerajaan untuk tujuan pertanian atau penternakan peribadi adalah dikategorikan sebagai premis persendirian.

Selanjutnya, premis persendirian juga adalah seperti bangunan, pagar, dinding, perhentian, dan struktur lain yang merujuk kepada kemudahan fizikal yang dimiliki oleh individu atau entiti bukan kerajaan. Ini boleh termasuk rumah peribadi, dinding pembatas, perhentian bas persendirian dan struktur lain yang digunakan untuk tujuan peribadi atau organisasi bukan kerajaan.

Akhir sekali, jalan yang menjadi milik persendirian adalah kawasan lebuhraya, jalan raya, halaman rumah dan garaj kereta yang dimiliki secara peribadi oleh individu atau entiti bukan kerajaan. Jalan-jalan ini digunakan sebagai akses ke bangunan persendirian dan tergolong dalam premis persendirian. Rumah milik persendirian pula merangkumi pelbagai jenis struktur perumahan seperti rumah, kondominium, rumah pangsa, banglo, villa, kebun, kawasan penternakan dan pondok. Semua ini adalah milik peribadi individu atau entiti bukan kerajaan dan digunakan untuk tujuan perumahan.

### ***Pemasuk***

Apabila ia melibatkan tanggungan penghuni, adalah penting untuk memahami kategori-kategori plaintif yang mungkin memasuki sesuatu premis. Individu-individu ini, biasanya dirujuk sebagai pemasuk. Dengan mengetahui perkara ini, ia memainkan peranan penting dalam menentukan tanggungjawab undang-undang dan tanggungjawab kepada penghuni. Pemasuk biasanya diklasifikasikan kepada empat kategori yang berbeza iaitu pemasuk kontrak (*contractual entrants*), pelawat (*invitees*), pemegang lesen (*licensee*) dan penceroboh (*trespasser*). Setiap kategori membawa hak dan kewajipan yang tersendiri dan wujud kerangka bagi menangani tanggungjawab dalam kes kemalangan atau kecederaan di premis. Dengan mengetahui kategori-kategori ini secara mendalam, akan lebih mudah untuk memahami tanggungjawab penghuni dan implikasi undang-undang yang berpotensi bagi para pelawat dan penghuni itu sendiri (Norchaya Talib, 2006).

### ***Pemasuk Kontrak (Contractual Entrants)***

Pemasuk yang pertama adalah pemasuk kontrak atau *contractual entrants* merujuk kepada individu atau entiti yang memasuki premis atau harta sebagai sebahagian daripada perjanjian kontrak. Kategori pemasuk ini diletakkan dalam kategori yang tertinggi. Contoh yang paling biasa adalah individu yang mempunyai tiket untuk acara sukan, teater, kolam renang dan seumpamanya atau sesiapa yang mempunyai perjanjian undang-undang khusus atau kontrak untuk berada di premis tersebut. Hak, tanggungjawab dan kewajipan tertentu pemasuk kontrak biasanya dinyatakan dalam kontrak atau perjanjian yang mengawal akses mereka ke premis (Institute Of Law Research & Reform, 1969).

Kewajipan individu yang memasuki premis berdasarkan kontrak akan bergantung kepada terma kontrak, sama ada ia jelas atau tersirat. Bagi individu yang memasuki berdasarkan hak kontrak, maka kewajipan terletak kepada penghuni berdasarkan waranti tersirat bahawa premis tersebut sesuai untuk tujuan pelaksanaan kontrak yang mereka laksanakan. Sifat dan standard penjagaan yang diharapkan daripada penghuni juga akan memainkan peranan dalam menentukan sama ada wujud atau tidak kepada pemasuk ini (Wan Azlan & Mohsin Hingun, 1998).

### ***Pelawat (Invitee)***

Seterusnya, kategori pemasuk yang kedua adalah pelawat atau *invitee*. Terminologi *invitee* merujuk kepada dua kategori yang berbeza dalam konteks individu yang memasuki suatu premis. Pertamanya, kita mempunyai *invitee* yang diberi kebenaran masuk oleh undang-undang, dan dalam hal ini, individu ini memasuki premis dengan tujuan yang sah dan diberikan hak undang-undang untuk melakukannya. Contoh-contoh *invitee* yang diberi kebenaran masuk oleh undang-undang adalah termasuk pihak berkuasa seperti pasukan bomba dan polis. Mereka memasuki premis dengan tujuan yang berkaitan dengan tugas undang-undang mereka, seperti pemadam kebakaran yang hadir untuk menangani kejadian kebakaran atau polis yang melakukan penyiasatan (Norchaya Talib, 2006).

Terdapat kategori *invitee* yang merupakan seorang pelawat yang memasuki premis untuk tujuan perniagaan. Ini bermaksud individu ini datang ke premis untuk urusan berkaitan perniagaan seperti pertemuan perniagaan, urusan jual beli atau sebab-sebab yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan tertentu. Sebagai contoh, seseorang yang mengunjungi sebuah pejabat syarikat untuk membincangkan urusan kontrak atau urusan perniagaan yang lain akan tergolong sebagai *business visitor* atau pelawat bagi tujuan perniagaan. Dalam kedua-dua situasi ini, status *invitee* menandakan bahawa individu tersebut dijemput secara sah untuk memasuki premis dengan tujuan tertentu, dan ini boleh memberikan hak dan tanggungjawab tertentu berdasarkan undang-undang atau peraturan yang berlaku (Norchaya Talib, 2006).

### ***Pemegang Lesen (Licensee)***

Kategori ketiga bagi pemasuk adalah pemegang lesen atau *licensee*. Pemegang lesen adalah individu yang telah diberikan izin oleh penghuni premis untuk hadir ke premis bagi tujuan tertentu. Sebagai contoh, seorang anggota polis yang sedang mengejar seorang penjenayah yang masuk ke sebuah premis dianggap sebagai pemegang lesen yang mempunyai hak untuk memasuki premis tersebut. Demikian juga, seorang tetamu yang menginap di rumah tumpangan tertentu, di mana kedatangan mereka telah mendapat izin daripada penduduk premis, juga dapat dianggap sebagai pemegang lesen (Salleh Buang, 1993).

Kewajipan penduduk terhadap individu yang mempunyai lesen untuk memasuki premis boleh dihuraikan kepada tiga kumpulan yang berbeza. Pertama, kita mempunyai mereka yang memasuki premis atas hak sendiri ke premis yang terbuka kepada orang awam atau premis peribadi di mana undang-undang membenarkan akses tersebut. Contohnya, orang awam yang memasuki taman awam atau premis perniagaan yang terbuka kepada orang ramai atau individu yang memasuki rumah peribadi yang dibenarkan oleh undang-undang seperti pembekal utiliti (Wan Azlan & Mohsin Hingun, 1998).

Kemudian, kumpulan kedua adalah individu yang memasuki premis berdasarkan izin tersirat. Ini merujuk kepada individu yang tidak mempunyai izin secara nyata, tetapi tindakan atau situasi tertentu menunjukkan bahawa mereka dibenarkan memasuki premis. Contohnya, seorang penyelenggara yang datang untuk membaiki sesuatu di premis seseorang yang mungkin dianggap mempunyai izin tersirat. Kumpulan ketiga pula adalah mereka yang memasuki premis sebagai pelawat sosial semata-mata. Ini bermaksud individu-individu yang datang untuk tujuan persahabatan atau lawatan sosial tanpa sebarang hubungan perniagaan (Wan Azlan & Mohsin Hingun, 1998).

Walau bagaimanapun, sama ada individu yang mempunyai lesen tersebut diklasifikasikan dalam kumpulan mana sekalipun, mereka dianggap mempunyai izin daripada penduduk premis untuk memasuki premis tersebut. Walaupun mereka mempunyai izin, mereka tidak tergolong dalam kategori kepentingan am seperti *invitees*. Oleh itu, perlindungan yang diberikan kepada mereka tidak seketat yang diberikan kepada *invitees*. Peraturan am adalah bahawa individu yang mempunyai lesen tersebut seharusnya memberikan amaran tentang sebarang bahaya yang tidak dapat dikesan oleh pihak yang mempunyai lesen jika mereka menggunakan kawasan tersebut dengan berjaga-jaga. Dengan kata lain, mereka seharusnya memberikan amaran tentang risiko yang mungkin tidak dapat dilihat oleh orang yang masuk dengan berjaga-jaga untuk keselamatan diri mereka sendiri (Wan Azlan & Mohsin Hingun, 1998).

### ***Penceroboh (Trespasser)***

Kategori pemasuk yang terakhir adalah penceroboh atau *trespasser*. Penceroboh merujuk kepada seseorang atau kumpulan yang secara tidak sah masuk ke dalam kawasan, sistem atau sumber yang dilindungi atau dikekang. Seorang penceroboh ialah seseorang yang masuk atau tinggal di atas harta atau kawasan orang lain tanpa izin atau hak yang sah. Dalam undang-undang, pencerobohan merujuk kepada tindakan masuk, tinggal, atau mengganggu harta atau kawasan milik orang lain tanpa izin. Penceroboh juga boleh merujuk kepada mereka yang memasuki tanah atau bangunan orang lain tanpa izin (Prajwal Dwivedi, 2021).

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, penceroboh adalah orang atau individu yang menceroboh sesuatu tempat. Penceroboh biasanya merujuk kepada seseorang yang melanggar peraturan atau undang-undang dengan memasuki tempat tanpa kebenaran atau tanpa tujuan yang dibenarkan. Manakala pencerobohan pula ditafsirkan sebagai perbuatan atau perlakuan memasuki atau masuk secara tidak sah ke dalam sesuatu tempat atau premis, tanpa izin yang sah (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005).

Penceroboh merujuk kepada individu yang memasuki suatu premis tanpa izin yang tersurat atau tersirat, sama ada dengan niat tersilap atau dengan tujuan tertentu yang mungkin tidak



sah. Ini membawa kepada tanggungjawab penduduk premis untuk bertindak dengan berperikemanusiaan terhadap penceroboh, terutamanya apabila kehadiran mereka diketahui oleh penduduk premis atau sepatutnya mereka sepatutnya mengetahuinya (Norchaya Talib, 2006).

Tindakan pencerobohan ke atas tanah atau dikenali sebagai pencerobohan *quare clausum fregit* atau dalam bahasa Arab diistilahkan sebagai *ta' addi intihak makan al-ghayr* yang bererti pencerobohan untuk menggunakan tempat orang lain, dilakukan dengan menceroboh masuk tanah milik orang lain tanpa kebenaran (Abdul Basir Mohamad, 2009).

Tindakan ini melanggar undang-undang kerana individu tersebut memasuki kawasan tanah yang bukan miliknya. Pencerobohan ke atas tanah ini dianggap sebagai pelanggaran hak milik seseorang. Dalam konteks penceroboh ke atas premis, individu tersebut secara tidak sah memasuki atau menduduki tanah yang bukan miliknya. Mereka mungkin melakukan ini dengan niat untuk menguasai atau menggunakan premis tersebut tanpa izin dari pemilik yang sah. Tindakan ini melanggar hak eksklusif penghuni untuk memiliki, menguasai dan mengendalikan tanah mereka (Institute Of Law Research & Reform, 1969).

Dalam melaksanakan tanggungjawab ini, penghuni premis diwajibkan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mengelakkan sebarang bahaya. Ini termasuk tindakan pencegahan jika penghuni mengetahui tentang keberadaan penceroboh atau situasi berbahaya di premis tersebut atau jika terdapat aktiviti yang boleh membahayakan keselamatan penceroboh. Keselamatan penceroboh tetap menjadi faktor penting, meskipun mereka memasuki premis tanpa izin. Penduduk premis diharapkan untuk mengambil tindakan yang sesuai dan berkebolehan untuk mengurangkan risiko cedera atau kemalangan yang mungkin terjadi kepada penceroboh (Norchaya Talib, 2006).

Kewajipan yang wujud kepada penghuni premis terhadap penceroboh terbatas kepada tindakan untuk tidak sengaja atau melulu mencederakan mereka. Ini bermaksud, penghuni tidak boleh dengan sengaja atau dengan niat jahat melakukan penceroboh yang telah memasuki premis mereka tanpa izin yang sah. Kewajipan ini adalah prinsip asas dalam undang-undang liabiliti penghuni, dan ia masih berkuatkuasa mengikut *Occupiers' Liability Act 1957* (Windfield & Percy Henry, 1994).

Namun, pentafsiran terhadap kewajipan ini telah mengalami perubahan melalui keputusan mahkamah. Hal ini demikian bermaksud, dalam beberapa situasi bahawa walaupun penceroboh memasuki premis tanpa izin, penghuni premis mungkin mempunyai tanggungjawab terhadap keselamatan mereka dalam keadaan tertentu. Prinsip-prinsip liabiliti dan tanggungan penghuni juga boleh berubah berdasarkan penghakiman mahkamah berkenaan dengan kes tertentu (Windfield & Percy Henry, 1994).

## **ANALISIS KES-KES YANG DIPUTUSKAN OLEH PIHAK MAHKAMAH DAN PERBINCANGAN**

***Sinuri Bin Tubar & Anor lwn. Syarikat East Johore Sawmills Sdn Bhd [1987] 1 MLJ 315.*** Insiden kes ini berlaku pada kira-kira 29 November 1980 di sebuah kilang memproses kayu balak kepunyaan pihak Defendan yang terletak di Jalan 4½ Batu Jalan Skudai-Air Hitam, Johor. Kilang papan kepunyaan pihak defendan ini mempunyai sebuah bilik air di bahagian

belakangnya yang turut merupakan lokasi penting yang menjadi punca utama insiden kes ini berlaku.

Dari sudut kedudukan kilang, bahagian hadapan kilang papan ini menghadap jalan utama, manakala di bahagian belakang kilang papan pula bersempadan dengan Selat Johor. Kawasan pembalakan juga terletak di bahagian belakang bangunan kilang papan ini dan ianya berpaya. Sebagai amalan rutin, aktiviti kilang defendan bermula dengan lori-lori yang memasuki kilang ini akan membawa masuk log kayu balak melalui pintu masuk depan dan kemudian memunggunya di halaman kilang tersebut. Kedudukan kayu balak ini turut dipengaruhi dengan keadaan pasang surut air Selat Johor yang turut menyebabkan kilang ini dalam keadaan berpaya apabila air pasang surut ini berlaku. Air turut masuk ke halaman kilang dan menyebabkan kayu balak terapung. Dan, menjadi hukum alam, apabila air surut, kayu balak akan mendap di atas tanah serta kedudukan kayu-kayu balak tadi yang berterabur dan tidak tersusun dengan rapi serta menjadi tidak stabil. Kayu balak yang menjadi basah serta tanah di bawah kayu balak tersebut akan menjadi lembab atau basah.

Di sempadan utara kilang ini pula, terletaknya sebuah kawasan perkampungan setingan yang dipanggil sebagai Kampong Skudai Kiri. Penduduk-penduduk di kampung ini juga, malangnya, tidak mempunyai bekalan air paip yang bersih. Menurut fakta kes ini lagi, penduduk-penduduk kampung terpaksa mendapatkan air bersih dari bilik air di bahagian belakang kilang ini atau pun mereka terpaksa membayar sejumlah wang jika mendapatkan bekalan air bersih dari sebuah Stesyen Caltex yang turut berhampiran dengan kedudukan penempatan mereka.

Untuk pengetahuan semua, penduduk kampung terpaksa mendapatkan air bersih ‘secara percuma’ dengan pergi ke bilik air di bahagian belakang kilang ini secara tidak sah dan perlakuan ini ini dibuat tanpa kebenaran dari pihak Defendan (tuan punya kilang tersebut). Malahan, pihak kilang juga tidak mengetahui ‘jalan tikus’ yang digunakan oleh penduduk kampung untuk mencero boh masuk ke kawasan kilang setiap kali mereka menggunakan bilik air tersebut. Hanya penduduk kampung sahaja mempunyai pengetahuan tentang akses untuk masuk ke kilang papan melalui kawasan berpaya di bahagian belakang kilang itu.

Pada tarikh insiden kes ini berlaku iaitu 29 November 1980, pihak plaintif, Sinuri (yang berumur 11 tahun sewaktu insiden ini berlaku dan beliau sudah meningkat ke umur remaja iaitu 16 tahun sewaktu perbicaraan kes ini dibicarakan), bersama-sama adik-adiknya iaitu Johari (6 tahun) dan Buhari (9 tahun) telah pergi ke bilik air kilang tersebut untuk mandi. Setelah selesai menggunakan bilik air itu, mereka ingin pulang ke rumah. Mereka bertiga terpaksa meniti di atas kayu-kayu balak yang bertaburan di halaman kilang tersebut untuk mengelakkan kaki mereka menjadi kotor jika memijak tanah yang lembab di atas kawasan tanah tersebut. Mereka berjalan dengan meniti di atas kayu-kayu balak tersebut dan melompat di atas satu kayu balak ke atas kayu balak yang lain. Kedudukan tiga adik beradik ini ialah Buhari di hadapan, diikuti dengan Johari dan di belakang sekali ialah Sinuri (plaintif). Semasa mereka menghampiri tempat kejadian itu berlaku, plaintif menjelaskan terdapat sebatang kayu balak terletak melintang di atas kayu itu di mana dia kemudiannya bertenggek di atasnya manakala, di atas kayu balak di hadapan yang perlu dia pijak untuk meneruskan perjalanannya, terletak satu lagi kayu balak juga bersudut dengannya. Ketika Johari memijak kayu di hadapan, imbalan kayu balak itu menjadi tidak stabil dan kelihatan



seolah-olah dia akan jatuh di antara kayu balak dengan kayu balak melintang di hadapan, yang turut berguling ke belakang menuju ke arahnya.

Pihak Plaintiff dengan serta-merta yang cuba membantu adiknya dan pada masa yang sama juga, kayu balak melintang pada kayu yang dia berdiri ketika itu juga bergolek ke arahnya dari belakang. Johari berjaya mengelak daripada bahaya dan dia hanya mengalami sedikit lebam. Malangnya buat plaintiff (Sinuri) apabila tangan kanannya terperangkap di bawah salah satu kayu balak itu dan mengalami kecederaan yang parah dengan keadaan tangannya yang remuk. Ketika dalam keadaan yang parah dan jeritan kesakitan, pihak Plaintiff mendapatkan bantuan dari seorang wanita yang bernama Akiah bte. Mahmood yang membawanya ke hospital untuk mendapatkan rawatan yang sewajarnya. Akibat kecederaan yang plaintiff alami, pergelangan tangan kanannya terpaksa dipotong oleh doktor. Dalam Tindakan saman terhadap pihak defendan, pihak Plaintiff menuntut ganti rugi untuk kecederaan yang dialaminya di kilang papan defendan.

Isu di dalam kes ini ialah sama ada pihak Defendan bertanggung ke atas kecederaan yang pihak Plaintiff alami sewaktu pihak plaintiff berada di dalam kawasan kepunyaan dan kawalan pihak Defendan? Pihak Plaintiff turut menghujahkan bahawa dia tidak pernah dilarang menggunakan bilik air kilang papan. Fakta kes menunjukkan bahawa dia pergi ke sana untuk mandi kira-kira dua atau tiga kali seminggu. Pihak Plaintiff juga menghujahkan bahawa dia boleh melawat bilik mandi pada bila-bila masa yang dia pilih tanpa izin atau sebarang halangan dari pihak Defendan. Pihak Plaintiff juga menghujahkan bahawa kawasan pembalakan kilang tersebut merupakan 'daya tarikan' bagi mereka untuk ke sana.

Sudah pastinya, pihak defendan menafikan setiap hujah yang ditegakkan oleh pihak Plaintiff. Pihak defendan tidak pernah memberikan apa-apa kebenaran (sama ada secara tersurat ataupun secara tersirat) kepada penduduk kampung bagi kebenaran menggunakan bilik air yang diperkatakan itu. Sebagai buktinya, pagar ada didirikan di sepanjang sempadan utara kilang papan, untuk memisahkannya dari kawasan kampung. Pagar ini dibina dengan meletakkan gergaji *band* terpakai satu di atas yang lain dan memakunya ke dalam tiang kayu yang terputus-putus. Malahan, papan-papan tanda amaran di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi melarang kemasukan sesiapa jua ke dalam kilang tanpa kebenaran turut dipamerkan di hadapan bahagian kilang tersebut. Malahan, terdapat pengawal yang berkawal di pintu masuk ke kilang papan milik pihak defendan. Pengawal keselamatan ini mengaku bahawa beliau ada menghalau Plaintiff dan juga penduduk kampung jika mereka didapati menggunakan bilik air tersebut tanpa kebenaran.

Malahan, keterangan dari salah seorang salah seorang pekerja kilang papan iaitu Inche Rosli bin Bakar, mengaku bahawa dia ada melarang plaintiff daripada menggunakan bilik air kilang papan dan juga telah menasihati bapa plaintiff agar melarang anak-anaknya supaya jangan menggunakan bilik air tersebut. Namun, perkara ini sudah pasti dinafikan dan tidak diakui oleh pihak plaintiff. Pihak defendan turut mengemukakan keterangan dengan memanggil Pengurus kilang papan kepunyaannya. Pengurus tersebut menceritakan bahawa setiap kali pagar dibaiki, pagar akan dirosakkan semula dan lubang akan dibuat untuk orang kampung memasuki dari sebelah arah kampung tersebut. Beliau menerangkan juga, kecurian bukan sahaja berlaku pada paip di bilik air, tetapi juga kecurian kayu dari kilang papan dan bateri dari lori. Beliau mengaku juga bahawa anggota kakitangan keselamatan telah diserang ketika cuba menghalang pencerobohan yang berlaku. Laporan polis turut dibuat namun kesannya

amat mendukacitakan. Menurut ketua keselamatan di kilang milik pihak defendan, iaitu Encik Kernail Singh bahawa setiap kali pihak kilang cuba untuk mengunci bilik air tersebut, saban kali, kuncinya akan dipecahkan atau dicuri oleh penceroboh yang datang menggunakan bilik air tersebut.

Keterangan lain dari Inche Rosli bin Bakar juga yang tinggal di dalam kuarters pekerja di belakang kilang tersebut, turut mengaku bahawa dia telah memberikan amaran agar plaintif tidak menggunakan bilik air tersebut dan dia juga turut menasihati bapa plaintif agar tidak membenarkan anak-anaknya pergi lagi ke tandas kilang tersebut. Namun, nasihat beliau hanya sia-sia belaka.

Setelah mendengar hujah dan keterangan daripada kedua-dua belah pihak serta di akhir perbicaraan kes ini, pihak mahkamah membuat keputusan yang tepat iaitu menolak tuntutan pihak plaintif dengan kos.

Pihak mahkamah berpendapat bahawa pihak defendan telah mengambil segala langkah-langkah yang musabah dalam mengekang kemasukan penceroboh ke dalam premis kepunyaannya. Antara lain, buktinya ialah kewujudan papan-papan tanda amaran (di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) dipamerkan untuk menghalang orang yang tidak mempunyai urusan daripada memasuki kawasan kilang mereka. Pengawal keselamatan turut diupah untuk berkawal dan juga memberikan amaran lisan kepada penceboh daripada menggunakan bilik air di dalam kawasan kilang tersebut. Malahan, fakta yang menunjukkan pagar juga didirikan dan bilik air tersebut telah dikunci, namun kemasukan penceroboh juga berlaku kerana jalan kemasukan ke dalam kilang tersebut hanya diketahui oleh penduduk kampung sahaja (melalui kawasan berpaya). Fakta setiap kali bilik air tersebut dikunci, sudah pasti kuncinya akan dirosakkan atau dicuri oleh penceroboh yang menggunakan bilik air secara haram, amat mengecewakan pihak defendan.

Yang Arif Tuan Shankar turut menolak hujah defendan menghujahkan bahawa kawasan kilang pembalakan dan juga kayu balak tersebut adalah suatu objek 'daya tarikan' kepada plaintif. Ini dapat dibuktikan dengan ketidakhadiran anak-anak Inche Rosli (yang tinggal di dalam kuarter pekerja di dalam kawasan kilang tersebut) dan juga anak-anak pekerja yang lain, tidak menganggap kayu balak itu sebagai godaan sebagai tempat mereka untuk bermain. Adalah tidak adil, apabila Plaintif menghujahkan bahawa kayu balak itu merupakan daya tarikan untuk tempat mereka bermain padahal pada hari kejadian itu, plaintif dan adik-adiknya meniti dan memijak dari satu kayu balak ke kayu balak yang lain untuk mengelakkan kaki mereka kotor sewaktu perjalanan pulang ke rumah mereka.

Yang uniknyanya, di dalam kes ini, penulis ingin menekan pendapat Yang Arif berikan di dalam kes ini. Yang Arif mendapati bahawa faktor kemiskinan adalah punca penduduk kampung menceroboh masuk ke kawasan kilang plaintif bagi mendapatkan bekalan air yang bersih. Bekalan air bersih sepatutnya adalah hak asasi manusia disediakan oleh pihak Kerajaan sejak awal lagi. Rentetan daripada kes malang ini berlaku, barulah ada usaha untuk menyediakan tempat bekalan air bersih untuk penduduk kampung. Pada pendapat hakim bicara di dalam kes ini, sepatutnya tindakan ini dibuat sejak dari awal-awal lagi.

Jika dianalisa dalam kes ini, ianya melibatkan penceroboh kanak-kanak yang berusia 11 tahun sewaktu kejadian itu berlaku. Mungkin, jika kanak-kanak ini tidak memahami maksud

papan-papan tanda amaran yang dipamerkan di bahagian hadapan kilang, namun fakta menunjukkan, bukan setakat dia, malahan ahli keluarganya dan juga penduduk kampung diberi amaran secara lisan oleh pengawal kilang sudah cukup membawa maksud pihak defendan tidak memberikan kebenaran untuk menggunakan kawasan premisnya pada bila-bila masa pun. Dan juga, pagar turut didirikan malahan bilik air di dalam kawasan kilang juga turut dikunci tetapi masih juga pencerobohan berlaku dengan jalan masuk yang tidak diketahui oleh pihak defendan. Kunci yang digunakan turut dirosakkan dan dicuri oleh penceroboh yang memasuki bilik air tersebut.

Berdasarkan dengan langkah-langkah yang berperikemanusiaan ini juga, menafikan tuntutan plaintif terhadap pihak defendan walaupun kita bersimpati terhadap kecederaan yang pihak plaintif alami.

***Lembaga Letrik Negara (LLN) Malaysia lwn. Ramakrishnan [1982] 2 MLJ 128***

Kes ini pertama kali dibicarakan ialah di peringkat Mahkamah Tinggi di mana tuntutan ganti rugi kecederaan pihak plaintif sebanyak \$34,000.00 yang dipersetujui dan turut dibenarkan oleh hakim bicara. Pihak defendan kurang berpuas hati dengan keputusan hakim bicara sewaktu di Mahkamah Tinggi dan merayu kes ini ke Mahkamah Persekutuan di Pulau Pinang. Sewaktu insiden kes ini berlaku, Pihak Responden/plaintif ialah seorang budak lelaki berumur sepuluh tahun (pada ketika itu) yang memanjat tiang H dalam usaha untuk melepaskan seekor burung yang terperangkap pada wayar tiang tersebut. Tiang H ini telah didirikan dan diselenggara oleh perayu/defendan. Menurut fakta kes ini juga, tiang-H ini adalah wayar elektrik yang voltan tinggi di mana kedudukannya adalah bersebelahan dengan laluan pejalan kaki awam yang tidak berpagar di sawah padi di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Lokasinya juga bertentangan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Tiang H ini juga letaknya bersebelahan dengan laluan pejalan kaki yang menghubungkan sebuah kampung yang terdiri daripada 150 hingga 200 buah rumah, ke jalan besar Bayan Lepas yang mempunyai 3 buah sekolah. Laluan pejalan kaki itu digunakan oleh penduduk kampung dan kanak-kanak sebagai laluan pejalan kaki orang ramai menuju ke jalan utama. Perayu/defendan sangat menyedari kewujudan laluan pejalan kaki sebelum kemalangan dan mengakui bahawa mereka tidak mengambil apa-apa langkah yang munasabah seperti meletakkan alat untuk mengelakkan sesiapa untuk memanjat tiang tersebut, sebarang papan tanda amaran, wayar berduri atau pun sebarang pancang pada tiang H itu.

Tiang-H dan wayar merupakan bahaya dan daya tarikan yang berbahaya kepada responden/plaintif dan perayu/defendan dikatakan telah melanggar kewajipan berkanun di bawah Peraturan-Peraturan Elektrik 1951. Pada hari kejadian iaitu 25 April 1975, responden/plaintif yang berusia 10 tahun sedang berjalan di sepanjang laluan pejalan kaki dengan sekumpulan kanak-kanak lelaki apabila dia digerakkan untuk memanjat tiang H dalam cubaannya untuk melepaskan seekor burung yang terperangkap pada wayar di atas tiang itu. Malangnya, apabila sampai ke *bracket* atau *cross-arm* yang menyokong kotak kabel yang berada kira-kira 7 kaki dari aras tanah, terjadilah *flashover* yang mengakibatkan responden/plaintif terkena renjatan elektrik dan tercampak ke tanah. Kesannya, dia mengalami kecederaan parah dan melecur tahap pertama dan kedua yang mengakibatkan parut dan kecacatan kekal. Dia menuntut terhadap pihak perayu/defendan atas kecederaan yang dialaminya.

Hakim Bicara sewaktu di peringkat mahkamah Tinggi mengawardkan sebanyak \$34,000.00 terhadap pihak defendan (seperti yang dipersetujui) namun pihak defendan merayu dan sebagai pihak perayu, Yang Arif di Mahkamah Persekutuan Pulau Pinang turut menolak rayuan perayu dan mengekalkan keputusan hakim Mahkamah Tinggi.

Barisan Hakim Yang Arif di peringkat Mahkamah Persekutuan mendapati kewajipan berjaga-jaga pada pihak Perayu/Defendan sebagai penghuni terhadap penceroboh/responden/plaintif timbul apabila penduduk sekitar kawasan tersebut mengetahui fakta yang menunjukkan peluang yang besar bahawa mereka boleh datang ke tempat itu sekaligus terdapat bahaya yang telah dicipta atau diketahuinya dan kewajipan berjaga-jaga mesti diambil sewajarnya oleh pihak Perayu/Defendan/Penghuni itu untuk mengelakkannya kewujudan bahaya tersebut mengikut Batasan atau kekangan kewangan pihak Perayu/Defendan/Penghuni sendiri.

Menurut penghakiman Mahkamah Persekutuan ini juga, pihak perayu mempunyai kewajipan kepada responden kerana mereka telah mendirikan, menyelenggara dan mengawal tiang H yang sangat berbahaya dengan potensi maut tersembunyi bersebelahan dengan laluan pejalan kaki yang menghubungkan kampung dengan jalan utama Bayan Lepas yang digunakan oleh penduduk kampung termasuk kanak-kanak. Tiang itu mudah dicapai oleh kanak-kanak dan ia amat sesuai untuk kanak-kanak yang ingin memanjatnya. Perayu mesti dijangkakan mengetahui bahawa kanak-kanak boleh menjadi nakal dan boleh melakukan sesuatu tanpa menyedari akibatnya dan oleh itu terdapat peluang besar untuk mereka datang ke sana. Langkah-langkah yang munasabah seperti meletakkan tanda amaran dan alat mencegah daripada sesiapa dari memanjat tiang H tersebut harus diambil dan kerana ini tidak dilakukan, perayu telah melanggar kewajipan yang terhutang kepada responden, mengakibatkan kecederaan kepadanya. Adalah tepat apabila situasi berbahaya yang diwujudkan oleh pihak perayu-perayu yang mengakibatkan pihak responden tidak tahu dan tidak boleh dijangka tahu yang menyebabkan kemalangannya. Dan dengan ini, pihak responden tidak boleh dikatakan turut menyumbang kepada kecederaan yang dialaminya sendiri.

Menurut penghakiman Mahkamah Persekutuan juga mendapati pihak Responden dan sekumpulan kanak-kanak lelaki sedang berjalan di sepanjang laluan pejalan kaki apabila dia melihat seekor burung terperangkap pada wayar di atas tiang yang bahaya dan fakta ini, tidak dapat diramalkan oleh kanak-kanak seusia dengan umur responden. Pemeriksaan yang teliti terhadap bukti telah memuaskan hati kami bahawa responden tidak tahu dan dia tidak boleh menjangkakan untuk mengetahui situasi berbahaya itu. Dia tidak pernah diberitahu atau diberi amaran tentang bahaya sedemikian. Dia sendiri berkata, apa yang mungkin cukup, bahawa dia tidak tahu apa itu elektrik dan sifatnya adalah bahaya. Pihak responden menyangka wayar elektrik itu adalah kabel untuk beberapa tujuan. Dia tidak pernah melihat kabel sedemikian di rumahnya. Berdasarkan bukti, pada pandangan kami, adalah mustahil untuk menganggapnya sebagai seorang yang lebih mampu menjaga dirinya dalam keadaan di mana dia ditempatkan daripada seorang budak lelaki normal seusianya yang dijangkakan.

***Khoo Ting Hong & Anor Lwn. Sim Guan Soon & Anor [1969] 1 MLJ 222***

Fakta kes ini secara ringkasnya ialah satu kemalangan berlaku di tempat pembuangan sampah di Kolam Ayer Lane di Singapura. Tapak pembuangan sampah ini telah digunakan sejak 1952 dan berada di bawah kawalan Penguasa Pembersihan Awam, Kementerian Kesihatan,

Singapura. Tempat pembuangan sampah ini bukanlah kawasan larangan tetapi terdapat papan tanda yang dipasang untuk memberi amaran kepada orang luar supaya tiada orang yang tidak dibenarkan masuk ke kawasan ini. Papan tanda adalah dalam empat bahasa rasmi. Walaupun terdapat papan tanda, ada juga orang yang mencerooboh tanah ini. Terdapat seorang penjaga yang bertugas dan seorang penyelia yang bertanggungjawab terhadap kerja-kerja lambakan yang berusaha keras untuk menghalau penceroboh tetapi tidak berjaya. Kadang kala, polis dipanggil untuk membantu menghalang penceroboh. Beberapa penceroboh telah didakwa di mahkamah kerana mencerooboh. Para penceroboh biasanya berkumpul di hujung tempat sampah dipunggah. Tujuan utama penceroboh adalah untuk mengumpul barang-barang buangan yang masih bernilai seperti besi buruk, kain buruk dan sebagainya. Lori jabatan kesihatan membawa sampah masuk tempat pembuangan dan apabila mereka mencapai jarak tertentu dari hujung, lori-lori berundur ke arah hujung kawasan untuk membuang muatan sampah. Selepas membuang sampah, lori itu bergerak dan sampah itu kemudiannya dibuang ke dalam paya. Kadang-kadang apabila sebuah lori mengundur ke arah hujung kawasan untuk memunggah sampah, penceroboh akan bergegas ke tempat yang mereka jangkakan sampah itu akan jatuh, sebabnya perlu ke sana terlebih dahulu untuk menyelamatkan apa yang mereka boleh dari sampah yang dibuang.

Mengenai kemalangan itu sendiri, satu-satunya bukti yang dikemukakan pada perbicaraan ialah bukti defendan pertama. Dia menyatakan bahawa dia memandu lorinya, sarat dengan sampah, ke tempat pembuangan ini, membelok ke kanannya dan berhenti untuk mengundur lorinya. Dia melihat ke cermin di sebelahnya tetapi tidak melihat apa-apa. Kemudian dia membuka pintu sebelah pemandu dan berpusing dan memandangi ke arah belakang lorinya. Tidak nampak apa-apa di belakang lorinya, dia menggunakan gear undur dan perlahan-lahan mengundur lori itu. Semasa dia mengundur lori tersebut, dia melihat cermin sisi lori itu. Sejurus kemudian dia mendengar seseorang menjerit, "Oh! Oh!" Dia menyangkakan ada kenderaan lain di belakang lorinya dan dia menukar gear dan memandu ke hadapan. Seseorang berlari ke lorinya dan memberitahu bahawa dia telah merempuh seseorang manusia. Dia turun dari lorinya dan pergi ke belakang di mana dia melihat seorang wanita tua terbaring di atas tanah.

Defendan pertama mengakui dalam pemeriksaan balas bahawa apabila lorinya memasuki tapak pelupusan, dia melihat beberapa penceroboh di tempat yang ditandanya pada pelan lakaran tempat kejadian. Orang-orang ini menurutnya sedang mengutip tin dari sampah yang dibuang dan dia menegaskan bahawa dia tidak melihat sesiapa di antara kumpulan penceroboh ini dan lorinya. Dia tidak melihat si mati ketika memandu masuk dan tiada sesiapa di tempat itu di mana dia kemudian melihat si mati terbaring di atas tanah.

Hakim bicara tidak mempercayai keterangan defendan pertama bahawa dia menoleh ke belakang ke arah belakang kenderaannya sebelum dia mula mengundur lorinya dan peguam defendan/perayu tidak berhujah dengan fakta ini.

Adalah penting untuk mempertimbangkan fakta-fakta di mana hakim bicara mempertanggungjawabkan defendan. Penemuan fakta hakim bicara dinyatakan dalam petikan berikut dari penghakimannya:—

“Sekarang apakah fakta dalam kes ini? Keterangan defendan pertama dan Penguasa Pembersihan Awam dan Pembantu Kesihatan Awam Bahagian jelas menunjukkan defendan mengetahui kehadiran penceroboh dan sebenarnya pada hari kemalangan defendan pertama



melihat ramai penceroboh memetik tin di situ. Defendan mempunyai tanggungjawab menjaga si mati dan tindakan defendan pertama mengundurkan lorinya tanpa melihat untuk memastikan si mati tidak berada di belakang lori itu adalah kecuaiian di pihaknya.”

Hakim bicara nampaknya mendapati defendan mengetahui kehadiran penceroboh di kawasan larangan. Pada pendapat kami, itu jelas tidak mencukupi untuk menetapkan liabiliti ke atas defendan. Kewajipan kepada penceroboh timbul hanya apabila kehadirannya diketahui atau dianggap sangat berkemungkinan. Apabila itu dibuktikan, barulah timbul persoalan liabiliti. Setakat ilmu pengetahuan, pengetahuan yang diperlukan untuk menetapkan apa-apa tugas sama sekali dalam penduduk adalah pengetahuan peribadinya tentang kehadiran orang lain. Pengetahuan seseorang adalah persoalan fakta. Fakta sedemikian adalah perkara yang sangat berbeza daripada soalan objektif sama ada terdapat kemungkinan munasabah seseorang hadir pada masa dan tempat yang berkaitan dan sama ada seseorang itu sepatutnya meramalkan kemungkinan itu.

Apakah kedudukan fakta dalam kes ini? Tiada bukti bahawa defendan pertama mengetahui bahawa si mati berada di belakang lorinya atau di mana-mana berhampiran laluannya semasa dia mula mengundurkannya. Memang benar dia melihat sekumpulan penceroboh di tempat kejadian tetapi mereka berada jauh dari lorinya dan menuju ke arah hadapannya. Oleh itu, persoalan penting ialah, bolehkah dikatakan, berdasarkan keterangan, bahawa kehadiran si mati di laluan lori undur itu, pada pengetahuan defendan pertama, berkemungkinan besar? Hakim perbicaraan tidak mempertimbangkan sama sekali soalan ini dan kini menjadi tanggungjawab kita untuk menjawabnya. Pada pendapat kami fakta kes tidak boleh membenarkan jawapan afirmatif. Oleh itu, hakim perbicaraan telah salah dalam mempertanggungjawabkan defendan dalam ganti rugi. Adalah tidak mencukupi untuk menetapkan defendan dengan liabiliti bahawa si mati adalah ahli kelas orang yang defendan tahu mempunyai tabiat menggunakan tempat pembuangan. Kecuaian di pihak defendan pertama juga tidak memadai.

Mengenai fakta kes ini tiada kewajipan ke atas defendan terhadap si mati dan oleh itu mereka tidak bertanggungjawab kepada plaintif dalam sebarang ganti rugi. Rayuan dibenarkan dengan kos di sini dan di bawah. Dengan ini, rayuan pihak perayu/penghuni dibenarkan oleh pihak Mahkamah Persekutuan Singapura. Adalah ditekankan di sini, kewajipan penghuni/perayu terhadap penceroboh hanyalah untuk tidak mendatangkan kecederaan kepada si mati dan dengan berniat jahat. Fakta kes ini dapat dibuktikan bahawa tiada bukti bahawa perayu pertama mengetahui bahawa si mati berada di belakang lori atau di mana-mana berhampiran lori itu. Apabila dia mula mengundurkan lorinya, tiada kewajipan ke atas perayu/penghuni terhadap si mati/penceroboh dan oleh sebab yang demikian, perayu/penghuni/defendan tidak bertanggungjawab dalam sebarang bentuk ganti rugi.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan kes-kes yang dibincangkan, pihak penghuni (selalunya pihak defendan) hendaklah mengambil langkah-langkah yang munasabah dalam mengekang kemasukan penceroboh ke dalam premisnya. Hak ini jelas dinyatakan dalam undang-undang di negara kita. Namun, langkah-langkah tersebut hendaklah munasabah menurut pendapat pihak mahkamah yang mulia. Bagi penceroboh dewasa, mungkin dengan membuat papan-papan

tanda amaran mahupun simbol atau tanda kawasan larangan sudah cukup untuk memberikan tanda amaran bahawa premis kepunyaan penghuni/defendan adalah tidak boleh dimasuki. Sebarang tindakan untuk mengekang usaha pencerobohan adalah risiko yang sepatutnya dihadapi oleh pihak penceroboh. Akan tetapi, bagi kategori penceroboh kanak-kanak pula, langkah yang munasabah yang lebih mesti diambil oleh pihak penghuni/defendan. Kanak-kanak kurang memahami atau mengerti papan-papan tanda yang didirikan. Pihak penghuni/defendan hendaklah mendirikan pagar (ataupun sebarang halangan/hadangan) di sekeliling premisnya, mengupah pengawal untuk berkawal ataupun memasang lampu keselamatan automatik untuk memberikan amaran terhadap sebarang usaha pencerobohan yang bakal dibuat oleh golongan kanak-kanak itu. Barulah, dengan ini, pihak penghuni/defendan dikatakan tidak bertanggungjawab terhadap kecederaan mahupun kemalangan yang dialami oleh penceroboh yang berlaku di dalam premis kawalan pihak penghuni/defendan.

## RUJUKAN

- Abdul Basir Mohamad. (2009) *Undang-Undang Tort Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 108
- Hornby, Albert Sydney (1995) *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*, Oxford, England: Oxford University Press.
- Institute Of Law Research & Reform (1969) *Occupiers' Liability*, The University Of Alberta Edmonton, Alberta.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Michael F Putter (1985) *Occupiers Liability in Singapore and Malaysia*, Great Britain: Cavendish Publishing Limited.
- Norchaya Talib (2006) *Prinsip-prinsip Asas Tort*. Petaling Jaya, Sweet and Maxwell Asia.
- Prajwal Dwivedi (2021) *Trespass to Land*, Law of Tort. White Black Legal.
- Salleh Buang (1993) *Law of Negligence in Malaysia*, Sweet & Maxwell Asia.
- Wan Azlan & Mohsin Hingun (1998) *Principles of The Law of Tort in Malaysia*. Malayan Law Journal (MLJ).
- Windfield & Percy Henry (1994) *Winfield Dan Jolowicz Mengenai Tort*, Kuala Lumpur International Law Book.
- Sinuri Bin Tubar & Anor lwn. Syarikat East Johore Sawmills Sdn Bhd [1987] 1 MLJ 315.
- Lembaga Letrik Negara (LLN) Malaysia lwn. Ramakrishnan [1982] 2 MLJ 128
- Khoo Ting Hong & Anor lwn. Sim Guan Soon & Anor [1969] 1 MLJ 222